

ANALISIS PENGUASAAN ILMU TARANNUM DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN, KIAS

Analysis of tarannum knowledge mastery among diploma tahfiz al-quran students at KIAS

*Ahmad Junaidi Che Ariffin¹, Saufi Abdullah¹, Ahmad Shafiq Mat Razali²

¹Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
16010 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

²Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: ahmadshafiq@uis.edu.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
16-Apr-2026	16-Apr-2026	30-Apr-2026	30-Jun-2026

Abstrak

Kajian ini meneliti penguasaan ilmu tarannum sebagai nilai tambah kepada pelajar Diploma Tahfiz al-Quran di KIAS, yang berpotensi meningkatkan mutu bacaan dan keterampilan mereka dalam komuniti. Kajian ini mempunyai tiga objektif: (i) mengenal pasti tahap dan corak penguasaan tarannum dalam kalangan pelajar tahfiz di KIAS; (ii) menilai persekitaran pembelajaran tarannum termasuk suasana kelas, sokongan rakan sebaya, serta ekosistem institusi; dan (iii) menganalisis kesan pembelajaran tarannum terhadap pembangunan diri graduan tahfiz. Reka bentuk kajian kualitatif deskriptif ini menggunakan temu bual separa berstruktur dan disokong oleh kaedah pemerhatian serta analisis dokumen bagi tujuan triangulasi. Data dianalisis secara tematik menggunakan perisian ATLAS.ti (versi 23). Hasil kajian merumuskan tiga tema utama: (1) bimbingan pensyarah sebagai pemangkin pembelajaran; (2) pengaruh suasana dan komuniti pembelajaran terhadap kesinambungan penguasaan tarannum; serta (3) pembudayaan tarannum yang terbukti meningkatkan kualiti tilawah dan keyakinan diri pelajar, di samping menuntut penyediaan ekosistem sokongan institusi yang lebih holistik. Kesimpulannya, pemeraksanaan ilmu tarannum amat signifikan dan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 16 (Institusi Kukuh) dalam usaha melahirkan graduan tahfiz yang kompeten dan berdaya saing.

Kata kunci: Tarannum; Tahfiz; penguasaan; suasana pembelajaran; pembudayaan.

Abstract

This study examines the mastery of tarannum (melodic Qur'anic recitation) among students in the Diploma Tahfiz al-Quran programme at KIAS and its potential as a value-added attribute for graduates. Although tarannum is often regarded as an ancillary skill within tahfiz education, the findings indicate that it can enhance recitation quality, learners' confidence, and graduates' tilawah competence for social roles and community service. The study has three objectives: (i) to identify the level and patterns of tarannum mastery among tahfiz students at KIAS; (ii) to evaluate the tarannum learning environment, including classroom climate, peer support, and the broader institutional ecosystem; and (iii) to analyse the effects of tarannum learning on tahfiz graduates' self-development. A descriptive qualitative design was employed using semi-structured interviews with students who had taken the tarannum course. Data were analysed using ATLAS.ti (version 23) through

a staged thematic coding process to generate themes based on in-depth examination of the interview transcripts. Data triangulation was conducted through observations of out-of-class learning practices and document analysis. The findings produced three main themes: (1) lecturer guidance as the catalyst for tarannum learning through direct coaching and indirect supports; (2) the learning atmosphere as a determinant of sustained mastery; and (3) the culturalisation of tarannum as a value-added graduate competency that improves recitation quality, strengthens confidence, and requires a reinforcement ecosystem. Overall, the findings support SDG 4 (Quality Education) and SDG 16 (Peace, Justice and Strong Institutions).

Keywords: Tarannum; Tahfiz; mastery; learning environment; culturalisation.

1.0 PENDAHULUAN

Pengajian tahfiz al-Quran di institusi pengajian tinggi semakin berkembang dengan matlamat melahirkan graduan yang bukan sahaja menguasai hafazan, bahkan berkeupayaan mempamerkan bacaan yang berkualiti, berdisiplin dan berwibawa dalam pelbagai konteks sosial. Dalam landskap pendidikan tahfiz semasa, aspek bacaan al-Quran bukan hanya dinilai melalui kelancaran dan ketepatan hukum tajwid, tetapi turut melibatkan elemen persembahan bacaan yang lebih tersusun, meyakinkan dan memberi kesan kepada pendengar. Dalam hal ini, ilmu tarannum sebagai seni melagukan bacaan al-Quran secara beradab dan terkawal dilihat berpotensi menjadi komponen pelengkap yang memperkukuh kualiti bacaan serta membentuk identiti tilawah graduan tahfiz.

Di samping itu, dalam kebanyakan program tahfiz yang ditawarkan di pusat pengajian tinggi, bidang tarannum sering diletakkan sebagai subjek kemahiran sampingan berbanding komponen teras tahfiz. Keadaan ini menyebabkan tarannum kadangkala dilihat sebagai kemahiran untuk tujuan penilaian kursus semata-mata, dan tidak semestinya dibudayakan sebagai amalan bacaan berterusan selepas tamat pengajian. Di KIAS, tarannum ditawarkan sebagai kursus khusus bagi membantu pelajar memahami aspek lagu, kawalan nada, dan aplikasi bacaan secara praktikal. Namun persoalan penting yang diutarakan ialah: (i) sejauh manakah penguasaan tarannum benar-benar terbina dalam kalangan pelajar; (ii) bagaimana persekitaran pembelajaran mempengaruhi kesinambungan latihan; dan (iii) apakah kesan tarannum terhadap pembangunan diri graduan tahfiz sebagai individu yang berfungsi dalam komuniti.

Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan penguasaan tarannum dalam kalangan pelajar Diploma Tahfiz al-Quran di KIAS, bukan sekadar sebagai kemahiran kursus, tetapi sebagai nilai tambah graduan yang berpotensi memperkasa mutu bacaan, keyakinan, dan keterampilan tilawah. Pada masa yang sama, kajian ini juga menilai bagaimana ekosistem pembelajaran bimbingan pensyarah, suasana kelas, sokongan rakan sebaya, fasiliti, serta pengukuhan luar bilik kuliah mempengaruhi sama ada tarannum berkembang menjadi amalan atau kekal sebagai kemahiran bersifat tambahan semata-mata.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Konsep dan Kepentingan Tarannum dalam Bacaan al-Quran

Tarannum al-Quran merujuk kepada seni memperindah bacaan al-Quran melalui alunan yang merdu dan berdisiplin, bagi menzahirkan keindahan lafaz dan ritma ayat al-Quran serta meningkatkan penghayatan pendengar. Dalam konteks

pendidikan al-Quran, tarannum tidak hanya berfungsi sebagai elemen estetika, bahkan berperanan sebagai medium yang boleh menguatkan hubungan rohani pendengar dengan bacaan al-Quran (Norakyairee Mohd Raus, 2019), di samping menyokong ketertiban bacaan apabila diaplikasikan secara terkawal dan beradab (Abdullah et al., 2019; Hasin et al., 2025).

Dalam kerangka program tahfiz di institusi seperti KIAS, tarannum lazimnya diajar sebagai kursus kemahiran yang melengkapkan komponen teras tahfiz. Namun, literatur menegaskan bahawa tarannum berpotensi lebih besar daripada sekadar "subjek sampingan", iaitu sebagai elemen yang memperkukuh mutu bacaan (Anuar Hasin et al., 2020; Najmiah Omar et al., 2020) dan membina identiti tilawah graduan apabila ia dibudayakan sebagai amalan (Abdullah et al., 2019; Hasin et al., 2025). Pemahaman ini selari dengan fokus kajian ini yang menilai tarannum sebagai nilai tambah graduan dan bukan sekadar pencapaian kursus.

2.2 Cabaran Pengajaran Tarannum dan Implikasi terhadap Penguasaan Pelajar

Pengajaran tarannum berdepan cabaran yang nyata, khususnya dari segi kompetensi pengajar, kefahaman pedagogi, serta aspek pentadbiran dan pengurusan pembelajaran (Aznil Hashim et al., 2017; Hairul Azman Mohd Hata, 2021; Norhisham Muhamad et al., 2019; Shaharom et al., 2024). Kajian-kajian lepas mencatatkan wujudnya cabaran pada tahap sederhana dalam kalangan guru, yang merangkumi kekangan dari sudut pengetahuan dan kompetensi, serta isu pemilihan pendekatan pedagogi yang sesuai untuk mengajarkan seni bacaan ini (Najmiah Omar et al., 2020; Zakaria et al., 2023). Hal ini membuktikan bahawa keberkesanan penguasaan tarannum bukan bergantung semata-mata kepada minat pelajar, sebaliknya turut ditentukan oleh kualiti bimbingan pengajar dan kesesuaian strategi pengajaran.

Oleh yang demikian, sorotan literatur ini menjustifikasikan mengapa aspek bimbingan pensyarah muncul sebagai salah satu tema utama dalam konteks kajian ini. Ilmu tarannum secara asasnya merupakan sebuah kemahiran praktikal yang menuntut kaedah demonstrasi, peniruan, pembedaan secara langsung, dan pengulangan yang konsisten (Lubis et al., 2011). Keadaan ini disokong pula oleh reputasi Malaysia yang mempunyai tradisi tilawah yang sangat tersusun, termasuk penganjuran majlis tilawah bertaraf antarabangsa yang secara tidak langsung membentuk sebuah ekosistem yang subur untuk perkembangan ilmu tarannum.

Tambahan lagi, kajian literatur turut mengetengahkan peranan tokoh qari dan penggiat tarannum sebagai faktor penting dalam mengembangkan tradisi pembelajaran serta standard bacaan. Sebagai contoh, Hasin et al. (2025) telah membincangkan sumbangan tokoh seperti Wan Ainuddin Hilmi yang memberi pengaruh besar terhadap pengukuhan landskap ilmu tarannum di peringkat nasional. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pembudayaan tarannum tidak boleh dipisahkan daripada ekosistem sosialnya, malah ia terus berkembang secara dinamik melalui sokongan rangkaian komuniti, bimbingan guru pakar, pengimarahannya institusi masjid, serta aktiviti pendedahan bacaan yang berterusan.

2.3 Teknologi sebagai Arah Baharu Pengukuhan Pembelajaran Tarannum

Perkembangan penting dalam penguasaan tarannum ialah penggunaan teknologi. Kajian dalam bidang sains komputer dan pembelajaran mesin telah mula memfokuskan pengelasan maqam atau bentuk alunan bacaan al-Quran menggunakan kaedah pengekstrakan ciri (feature extraction) dan model pembelajaran mesin (Alaydrus & Zahra, 2023). Walaupun kajian tersebut bersifat teknikal, ia memberikan implikasi pendidikan yang relevan: teknologi boleh

berperanan sebagai alat sokongan untuk latihan sendiri, pengesahan nada, dan penambahbaikan ketepatan alunan secara berulang. Dapatan tentang sokongan tidak langsung seperti rakaman audio dan latihan sendiri menunjukkan bahawa pelajar memerlukan bahan rujukan yang boleh digunakan di luar bilik kuliah. Oleh itu, wacana teknologi (Alaydrus & Zahra, 2023) memberi asas literatur untuk mencadangkan pengukuhan pembelajaran tarannum melalui sumber digital yang lebih sistematik contohnya bank audio rujukan, latihan berpandukan maqam, atau sistem semakan nada sejajar dengan matlamat pembudayaan tarannum sebagai nilai tambah graduan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif bagi meneroka penguasaan tarannum dalam kalangan pelajar Diploma Tahfiz al-Quran di KIAS, serta memahami bagaimana persekitaran pembelajaran dan pengalaman latihan membentuk kesinambungan amalan tarannum sebagai nilai tambah graduan. Kajian dijalankan di KIAS dengan tumpuan kepada kursus tarannum yang diikuti pelajar Diploma Tahfiz, termasuk kursus KDT2323-18 (Tarannum Tatbiqi) sebagai konteks pembelajaran formal, manakala pemilihan peserta dibuat melalui persampelan bertujuan (purposive sampling).

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Data utama diperoleh melalui temu bual separa berstruktur. Temu bual direkodkan (audio) dengan persetujuan peserta dan ditranskripsi secara verbatim. Bagi memudahkan jejak data, setiap petikan penting ditandakan menggunakan kod rujukan seperti [TB/P1/VERB-xx/Qx] untuk menunjukkan sumber (temu bual), informan, nombor verbatim dan nombor soalan.

Selain itu, proses triangulasi dilaksanakan melalui pemerhatian pembelajaran luar bilik kuliah, khususnya untuk mengenal pasti kewujudan latihan tidak formal, penggunaan tarannum dalam konteks sosial (misalnya bacaan di surau/masjid), serta persekitaran yang mendorong atau menghalang pembudayaan tarannum. Pemerhatian direkodkan sebagai nota lapangan dan diberi kod pemerhatian seperti [PRH/OBS-xx/...] untuk membezakan sumber data daripada temu bual dan dokumen. Data temu bual kajian juga disokong melalui data analisis dokumen rekod keputusan kursus KDT2323-18 (Tarannum Tatbiqi). Analisis dokumen digunakan untuk menilai pola prestasi peserta dalam penilaian kursus sebagai sokongan kepada dapatan temu bual tentang keberkesanan bimbingan dan latihan.

Kesemua data ini dianalisis menggunakan ATLAS.ti versi 23. Proses analisis mengikuti analisis tematik secara berperingkat melalui open coding dan axial coding bagi membentuk tema kajian.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan temu bual separa berstruktur dibentangkan secara tematik berdasarkan objektif kajian, dan petikan verbatim digunakan bagi menyokong dapatan yang diperoleh. Sebelum huraian tema dan subtema kajian, pengkaji telah meletakkan kod petikan verbatim (temu bual kajian) yang digunakan dalam bab ini iaitu [TB/P1/VERB-01/Q7] merujuk kepada TB = Temu bual, P1 = Pelajar (informan) pertama, VERB-01 = petikan verbatim pertama yang dipilih untuk dianalisis, dan Q7 = respons kepada Soalan Temu Bual nombor 7. Kod ini membantu penyusunan bukti,

memudahkan jejak audit (audit trail), memperlihatkan ketelusan dan menjaga kerahsiaan peserta kajian.

4.1 Tema Pertama: Bimbingan Pensyarah Sebagai Pemangkin Pembelajaran Tarannum

Dapatan utama yang membentuk tema kajian ini menghuraikan bahawa penguasaan tarannum dalam kalangan pelajar Diploma Tahfiz di KIAS tidak berkembang secara "automatik" melalui pembacaan nota atau pemahaman konsep semata-mata, sebaliknya dipacu oleh ekosistem bimbingan yang berpusat pada pensyarah yang memudahkan pengukuhan latihan. Dapatan temu bual menunjukkan wujud kebergantungan yang jelas terhadap bimbingan langsung (semasa kelas) dan bantuan tambahan (di luar kelas) untuk menstabilkan kemahiran seperti penguasaan lagu dan kawalan nada. Tema pertama terdapat dua subtema yang akan menjelaskan dapatan yang diperoleh.

1. Bimbingan Secara Langsung Pensyarah

Subtema ini menekankan bahawa penguasaan tarannum berlaku paling berkesan apabila pelajar menerima bimbingan langsung daripada pensyarah. Informan menggambarkan tarannum sebagai kemahiran praktikal yang menuntut tunjuk cara, pembetulan serta "pembinaan" berterusan, dan bukan sekadar penguasaan kandungan tarannum secara teori. Hal ini memperlihatkan bahawa peranan pensyarah bukan sahaja menyampaikan silibus, malah bertindak sebagai pemula bacaan (model) dan pembimbing amali (coaching) dalam memastikan pelajar dapat meniru dan menstabilkan penggunaan lagu dengan betul. Peserta kajian pertama menyebut:

"Bagi saya, iya lah. Sangatlah membantu. Kalau tanpa pensyarah ni saya susah lah akan faham cara penggunaan ilmu tarannum tu. Walaupun dengan membaca nota-nota yang disediakan, tapi susah lah kalau tak ada pembinaan pensyarah. Jadi sangat-sangat membantulah. [TB/P1/VERB-01/Q7]"

Petikan di atas menunjukkan bahawa pembelajaran tarannum bersifat kebolehan tambahan. Justeru, kehadiran pensyarah sebagai rujukan amali menjadi syarat penting untuk mempercepat penguasaan. Dalam konteks ini, "pembinaan" yang disebut informan boleh difahami sebagai proses membetulkan bacaan secara segera, memantapkan teknik yang sukar diperoleh hanya melalui teks, seperti penekanan nada, alunan, dan konsistensi sebutan ketika berlagu. Sokongan dari informan kedua juga menyebutkan:

"Kalau pensyarah saya... banyak menggunakan kaedah amali. Supaya pelajar ini lebih faham cara penggunaan setiap lagu yang ada dalam ilmu tarannum ini. [TB/P1/VERB-02/Q4]"

2. Sokongan Pembelajaran Secara Tidak Langsung

Dapatan pada subtema ini memperincikan pandangan informan bahawa bentuk sokongan tambahan membantu pelajar mengekalkan kesinambungan latihan di luar bilik kuliah, khususnya apabila berhadapan dengan kemahiran yang bersifat teknikal seperti kawalan nada dan rentak burdah lagu. Informan menyatakan bahawa sokongan seperti bimbingan individu dan rakaman audio sewaktu latihan melalui proses pengulangan (repetition) serta latihan sendiri (self-practice) selepas kelas mendatangkan hasil yang lebih berkesan. Sokongan ini penting kerana latihan tarannum biasanya memerlukan latihan pengulangan yang kerap. Tanpa peralatan

sokongan seperti rakaman audio dan bimbingan tambahan, pelajar berisiko menguasai tarannum hanya pada tahap sementara cukup untuk menghadiri kuliah sahaja dan hilang penguasaan apabila telah selesai mata pelajaran tersebut. Informan ketiga ada menyebutkan:

"Cabaran yang saya hadapi... adalah cara penggunaan nada dalam setiap lagu. Lepas tu, saya mengatasi masalah tu dengan memperbanyakkan latihan amali... di luar kelas... dengan bantuan rakaman audio yang disediakan oleh pensyarah. [TB/P1/VERB-03/Q6]"

Kenyataan dari responden ini menunjukkan wujud hubungan langsung antara (i) cabaran penguasaan tarannum, (ii) strategi pengukuhan, dan (iii) fungsi sokongan pensyarah. "Rakaman audio" dalam konteks ini berperanan sebagai bahan rujukan yang membolehkan pelajar mengulangi contoh bacaan dan memperhalusi perincian yang sukar ditangkap dalam sesi kelas yang terhad. Dalam masa yang sama, bimbingan pensyarah secara tidak formal juga amat membantu pelajar menangani kelemahan spesifik secara lebih fokus, sekali gus mengurangkan jurang penguasaan antara pelajar yang cepat tangkap dan pelajar yang memerlukan lebih masa.

Selari dengan dapatan temu bual tersebut, analisis dokumen keputusan kursus tarannum turut menyokong gambaran bahawa proses bimbingan dan sokongan ini menghasilkan pencapaian akademik yang baik dalam kalangan peserta kajian. Rekod keputusan bagi kursus KDT2323-18 (Tarannum Tatbiqi) menunjukkan majoriti memperoleh gred tinggi. Secara pemerhatian, daripada enam calon yang disenaraikan, seorang memperoleh A+, empat memperoleh A, dan seorang memperoleh B+. Pola ini memberi indikasi bahawa peserta kajian menunjukkan penguasaan yang kuat berdasarkan penilaian kursus yang direkodkan.

Berdasarkan dokumen keputusan, pencapaian tersebut boleh ditafsirkan sebagai petunjuk bahawa pengajaran berbentuk teori dan amali, serta sokongan pembelajaran (seperti audio dan bimbingan personal) yang dinyatakan informan, berpotensi berkait dengan prestasi pelajar dalam penilaian tarannum tatbiqi (aplikasi).

4.2 Tema Kedua: Suasana Pembelajaran Penentu Kesenambungan Penguasaan Tarannum

Tema ini menjelaskan kesan persekitaran pembelajaran dan budaya latihan di KIAS mempengaruhi sama ada penguasaan tarannum berkembang menjadi amalan berterusan atau kekal sebagai kemahiran yang hanya digunakan ketika kelas. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa terdapat dua lapisan persekitaran yang mempengaruhi proses penguasaan pelajar. Lapisan pertama ialah persekitaran bilik kuliah dan interaksi rakan sebaya yang membantu membina minat dan menyediakan sokongan latihan tidak formal. Lapisan kedua pula ialah persekitaran institusi yang lebih luas, termasuk kewujudan peralatan pengajaran yang lengkap dan ruang latihan di luar waktu pembelajaran formal. Dalam konteks ini, tema ini menekankan bahawa penguasaan tarannum bukan sahaja bergantung pada bimbingan pensyarah, tetapi turut ditentukan oleh ketersediaan suasana yang mendorong latihan konsisten.

1. Suasana Kelas dan Pengaruh Rakan Sebaya

Subtema ini menunjukkan bahawa suasana pembelajaran pada peringkat bilik kuliah termasuk suasana kelas yang kondusif dan hubungan rakan sebaya memberi kesan langsung terhadap minat dan kecenderungan pelajar untuk berlatih tarannum.

Kesemua peserta kajian menegaskan bahawa suasana kelas yang kondusif berperanan sebagai faktor tarikan yang mendorong pelajar untuk memahami tarannum, manakala rakan sebaya menyumbang kepada latihan tambahan di luar bilik kuliah melalui interaksi dan sokongan tidak formal.

Ini menunjukkan bahawa penguasaan tarannum bukan hanya proses individu, tetapi turut dipengaruhi oleh "komuniti pembelajaran" yang terbentuk dalam kalangan pelajar. Informan keempat menyebutkan:

"Suasana kelas ni memang amat penting bagi saya, untuk menarik minat saya, untuk memahami ilmu tarannum ni. [TB/P1/VERB-04/Q9]"

Penegasan dari peserta-peserta kajian ini memperlihatkan bahawa minat tidak timbul dengan sendirinya, tetapi perlu dipupuk melalui suasana pembelajaran yang memberikan rangsangan positif. Dalam pembelajaran tarannum, suasana bilik kuliah yang kondusif biasanya berkait rapat dengan pengalaman mendengar contoh bacaan, demonstrasi, serta interaksi yang menggalakkan pelajar mencuba tanpa rasa takut. Hal ini penting kerana tarannum melibatkan kemahiran lontaran suara dan keterampilan tilawah. Oleh itu, suasana yang menyokong akan meningkatkan keyakinan pelajar untuk berlatih.

Selain itu, responden kelima turut mengakui bahawa "Rakan sebaya ni juga mempengaruhi dari segi latihan di luar kelas." [TB/P1/VERB-05/Q9]. Dapatan ini menunjukkan fungsi rakan sebaya sebagai pemudah cara latihan. Dalam penguasaan tarannum, rakan sebaya sering menjadi rujukan segera untuk ulangan lagu, semakan nada, atau latihan bacaan dan pengukuhan. Oleh itu, subtema ini menegaskan bahawa persekitaran sosial pelajar memainkan peranan mengukuhkan latihan sendiri, walaupun dalam bentuk tidak formal.

2. Persekitaran Luar Mمبرugar Penguasaan Tarannum

Dapatan pada subtema kedua ini menunjukkan suasana pembelajaran di KIAS tidak cukup "menarik" untuk mendorong pelajar-pelajar meningkatkan bacaan tarannum secara konsisten di luar waktu kelas. Dapatan ini membawa maksud bahawa latihan tarannum di KIAS hanya cenderung atau terhad kepada masa kelas sahaja dan tidak berlangsung secara berterusan sebagai budaya atau rutin. Menurut responden keenam dan kelima:

"... Saya hanya mempelajari pada waktu kelas sahaja... tetapi di kawasan berdekatan ni memang hidup dengan tarannum, guru-guru pakar tarannum dan qari qariah ramai... mungkin ini salah satu sebab kenapa pada waktu kelas sahaja hanya fokus formal je sebab di luar banyak kelas tidak formal tarannum... [TB/P1/VERB-06/Q10]"

Petikan ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar belajar tarannum, ekosistem yang mendorong latihan berterusan masih belum mencukupi. Dalam konteks analisis kualitatif, kenyataan ini boleh ditafsirkan sebagai satu petunjuk bahawa elemen pengukuhan di luar bilik kuliah memainkan peranan yang sangat penting. Faktor-faktor sokongan luaran institusi seperti penganjuran aktiviti berjadual, penyediaan ruang latihan khusus, pendedahan kepada guru pakar, serta program-program lain yang membudayakan tarannum merupakan elemen penentu; sama ada pelajar akan terus beristiqamah melakukan latihan secara sendiri, atau amalan tersebut terhenti sekadar untuk memenuhi keperluan minimum lulus kursus berkenaan.

Kenyataan tersebut juga selari dengan penilaian informan terhadap keberkesanan kursus dari sudut objektif pembelajaran. Informan pertama mengakui

kursus telah mencapai objektif, namun menegaskan bahawa ramai pelajar cenderung menggunakan tarannum hanya dalam konteks kelas: "Sudah mencapai objektif, namun ramai pelajar hanya menggunakan ilmu tarannum ni pada waktu kelas sahaja..." [TB/P1/VERB-07/Q14].

Analisis dokumen dari hasil pemerhatian mendapati, di luar KIAS terdapat kelas pengajian tarannum yang dijalankan oleh Ustaz Yahaya bin Daud, Anak-anak didik almarhum Ustaz Haji Abdul Rahim Ahmad di Masjid Kubang Krian dan Masjid Muhammadi serta kelas pengajian di Masjid Bandar Pasir Mas oleh ustaz Haji Md. Hussin bin mohd yunus. Hal ini boleh ditafsirkan sebagai bukti bahawa persekitaran luar ini mampu mencapai standard penilaian formal. Namun, verbatim di atas menunjukkan satu isu yang lebih mendalam pencapaian kursus tidak semestinya menjamin tarannum menjadi amalan berterusan tanpa sokongan institusi di luar bilik kuliah.

Secara keseluruhan, tema ini menegaskan bahawa suasana kelas dan sokongan rakan sebaya berperanan memupuk minat serta latihan tidak formal, tetapi penguasaan tarannum yang berterusan menuntut persekitaran institusi yang lebih menyeluruh untuk mendorong latihan konsisten di luar bilik kuliah. Dengan kata lain, kesinambungan penguasaan tarannum bukanlah sekadar bergantung kepada inisiatif individu semata-mata, tetapi turut bergantung kepada ekosistem pembelajaran luaran yang holistik.

4.3 Tema Ketiga: Pembudayaan Tarannum Sebagai Nilai Tambah kepada Graduan Tahfiz

Tema ini memperlihatkan bahawa mata pelajaran tarannum dalam program Tahfiz di KIAS bukan sekadar subjek kemahiran, tetapi berpotensi menjadi nilai tambah graduan apabila ia dibudayakan sebagai amalan bacaan dalam kalangan pelajarannya. Dapatan menunjukkan pembudayaan ini dapat difahami melalui tiga dimensi yang saling berkait: (i) tarannum mengangkat mutu bacaan graduan, (ii) tarannum membina keyakinan dan keterampilan bacaan, dan (iii) pembudayaan tarannum memerlukan ekosistem pengukuhan di luar bilik kuliah.

1. Keyakinan Pelajar Terhadap Bacaan al-Quran

Subtema ini memberi gambaran bahawa mata pelajaran tarannum telah memberi kesan dalam jangka masa panjang tanpa disedari. Hal ini memberi erti bahawa penguasaan tarannum dalam kalangan pelajar tidak semestinya memberi kesan hanya pada aspek lagu semata-mata, tetapi turut mengukuhkan kualiti bacaan asas graduan tahfiz seperti tajwid, kelancaran, dan kawalan nada. Dapatan temu bual mendapati perubahan bacaan berlaku selepas mengikuti kursus tarannum. Ini menjadi bukti asas bahawa tarannum berfungsi sebagai latihan yang memperkemas bacaan dan tidak terhad kepada persembahan, tetapi juga kepada mutu bacaan harian.

Informan pertama menyebutkan:

"Bagi saya, saya ni semakin yakin... dan bacaan saya ni semakin baik dari sebelum ini. Dari segi tajwid dan nada bacaan. Kalau berlagu ikut format tu saya tak reti, tp kalau bacaan biasa tu lebih baik dari sebelum. [TB/P1/VERB-01/Q11]"

Begitu juga dengan informan keenam:

"Saya sebelum ni tak confident sgt nak baca Quran atau jadi imam. Lepas ambik subjek ni dah tahu tips-tips tu, insyaAllah boleh je jadi imam dan baca dari sebelum. [TB/P1/VERB-06/Q11]"

Kenyataan ini memperlihatkan "nilai tambah" tarannum yang lebih luas: pelajar mungkin tidak mempamerkan variasi lagu secara jelas, tetapi kesan latihan tarannum tetap menghasilkan bacaan yang lebih tersusun dan lebih berkualiti. Dapatan ini turut disokong oleh maklum balas informan yang menegaskan bahawa bacaan beliau menjadi lebih lancar menggunakan lagu yang dipelajari, menandakan tarannum berpotensi menjadi alat pengukuhan bacaan tahfiz yang lebih efektif:

"Walaupun saya ni tidak menggunakan lagu yang dipelajari daripada ilmu tarannum waktu bacaan mujawwad, tapi bacaan saya waktu murattal ni semakin lancar dan ada laa diselitkan irama yang sesuai lah. [TB/P1/VERB-02/Q11]"

2. Tarannum Membina Keterampilan Tilawah Graduan

Subtema ini menjelaskan pembudayaan tarannum sebagai nilai tambah dari sudut pembangunan diri graduan tahfiz. Informan menekankan peningkatan keterampilan untuk membaca dengan nada yang lebih kuat berbanding sebelum mempelajari tarannum. Dalam konteks graduan tahfiz, keyakinan ini ialah komponen penting kerana ia berkait rapat dengan keterampilan membaca al-Quran sewaktu pembukaan majlis-majlis rasmi, di hadapan komuniti, atau dalam apa jua aktiviti sosial sewaktu menerima jemputan.

"Saya ni semakin yakin lah untuk membaca Al-Quran ni dengan nada... dengan nada yang kuat... Selalu... baca slow kan? Tapi, bila belajar ilmu tarannum ni, saya semakin yakin untuk baca Quran tu. [TB/P1/VERB-08/Q11]"

Apabila keyakinan meningkat, ia membuka ruang kepada pembudayaan tarannum sebagai identiti bacaan graduan iaitu bacaan yang bukan sahaja betul dari sudut hukum, tetapi juga tersusun, berwibawa dan lebih "hidup" dari sudut persembahan suara. Di sinilah nilai tambah graduan tahfiz menjadi lebih ketara, kerana tarannum membentuk keterampilan yang boleh dibawa ke luar institusi apabila ada ruang dan dorongan untuk dipraktikkan.

3. Pengukuhan Tarannum Luar Bilik Kuliah melalui Kursus Insentif

Subtema ini mengetengahkan hujah utama bahawa keberkesanan pembudayaan tarannum tidak wajar dinilai hanya melalui pencapaian kursus, tetapi juga melalui keterterusan amalan selepas kelas. Informan mengakui kursus tarannum mencapai objektif pembelajaran, namun menjelaskan realiti bahawa ramai pelajar menggunakan penguasaan tarannum bukan hanya di dalam kelas semata-mata dalam PdP formal.

Informan kedua dan ketiga ada memberi penegasan:

"Ada sesetengah pelajar ni kita tak nampak sangat dia menguasai tarannum sewaktu dalam kelas atau final exam... Tapi kita boleh tengok sewaktu dia jadi imam, sewaktu ada je aktiviti kosong, dia akan search qari-qari di medsos dan dengar... mereka faham je jenis lagu apa, cuma nak tapi tak pandai kan... [TB/P1/VERB-11/Q14]"

Kenyataan ini dipertegas dengan cadangan informan agar KIAS menyediakan aktiviti yang melibatkan tarannum supaya pelajar menggunakan ilmu tersebut bukan semata-mata untuk lulus peperiksaan, tetapi turut mewajibkan pelajar terlibat dengan aktiviti luar sebagai salah satu bentuk pengukuran. Ini menunjukkan pembudayaan memerlukan rangsangan yang dirancang, bukan berlaku secara spontan. Hal ini diakui oleh informan empat yang menyatakan bahawa:

"KIAS ini perlu mengadakan beberapa aktiviti yang melibatkan aktiviti luar supaya pelajar menggunakan ilmu bukan dalam kelas sahaja... dan bukan semata-mata untuk lulus peperiksaan sahaja. [TB/P1/VERB-04/Q12]"

Keperluan pengukuhan luar bilik kuliah turut diterjemah dalam bentuk cadangan yang lebih praktikal penyediaan ruang khas untuk latihan tanpa gangguan. Cadangan ini penting kerana ia memberi gambaran bahawa pembudayaan tarannum bukan hanya isu motivasi, tetapi juga isu fasiliti dan persekitaran latihan yang kondusif.

Dapatan temu bual ini diperkukuh melalui pemerhatian yang menunjukkan prestasi formal peserta berada pada tahap tinggi. Pelajar yang lebih aktif mengamalkan tarannum di luar PdP formal didapati lebih bersedia menawarkan khidmat kepada masyarakat apabila diperlukan, khususnya dalam konteks bacaan di surau/masjid atau situasi yang memerlukan mereka memimpin bacaan. Pemerhatian ini selari dengan gambaran bahawa penguasaan tarannum yang dibudayakan melalui latihan berterusan akan lebih mudah diterjemahkan kepada fungsi sosial graduan tahfiz, iaitu menjadi rujukan bacaan dan menyumbang kepada aktiviti komuniti apabila diminta. [PRH/OBS-01/LOK-SURAU/TAR-IMAM/TKH-/CAT-01].

Jadual 4.1 berikut menunjukkan perincian tema dan subtema bagi keseluruhan data kajian.

Jadual 4.1: Perincian Tema dan Subtema bagi Keseluruhan Kajian

Bil.	Tema	Subtema
1	Bimbingan Pensyarah sebagai Pemangkin Penguasaan Tarannum	Bimbingan secara langsung Sokongan pembelajaran secara tidak langsung
2	Suasana Pembelajaran Penentu Kesenambungan Penguasaan Tarannum	Suasana kelas dan pengaruh rakan sebaya Persekitaran luar membugar penguasaan tarannum
3	Pembudayaan Tarannum sebagai Nilai Tambah kepada Graduan Tahfiz	Keyakinan Pelajar Terhadap Bacaan al-Quran Tarannum membina keterampilan tilawah graduan Pengukuhan tarannum luar bilik kuliah melalui kursus insentif

5.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan menunjukkan bahawa penguasaan tarannum dalam kalangan pelajar Diploma Tahfiz KIAS terbina melalui gabungan proses pembinaan kemahiran secara berstruktur dan sokongan ekosistem pembelajaran. Tema 1 memperlihatkan bimbingan pensyarah sebagai pemangkin utama, kerana tarannum merupakan kemahiran praktikal yang memerlukan tunjuk cara, pembedahan segera dan latihan berulang; justeru, bimbingan langsung (coaching dalam kelas) serta sokongan tidak langsung (rakaman audio, bimbingan individu) berfungsi menstabilkan penguasaan lagu dan kawalan nada serta mengurangkan kebergantungan kepada teori semata-mata. Dapatan ini diperkukuh oleh analisis dokumen keputusan kursus KDT2323-18 (Tarannum Tatbiqi) yang menunjukkan pencapaian formal peserta berada pada tahap baik, sekali gus mengisytiharkan bahawa pendekatan bimbingan-amali yang sistematik berkait dengan keupayaan pelajar memenuhi standard aplikasi tarannum dalam penilaian kursus.

Seterusnya, Tema 2 dan Tema 3 menegaskan bahawa pencapaian kursus tidak semestinya menjamin kesinambungan amalan tarannum jika persekitaran pembelajaran tidak mendorong latihan konsisten di luar bilik kuliah. Suasana kelas yang kondusif dan pengaruh rakan sebaya membentuk "komuniti pembelajaran" yang memupuk minat dan latihan tidak formal, tetapi kesinambungan penguasaan lebih banyak ditentukan oleh rangsangan institusi dan ekosistem luar, termasuk fasiliti latihan, aktiviti berjadual dan peluang amalan autentik.

Dalam konteks ini, pembudayaan tarannum sebagai nilai tambah graduan terserlah apabila kesan tarannum melangkaui kebolehan "berlagu" kepada peningkatan mutu bacaan asas (tajwid, kelancaran, kawalan nada) serta pembinaan keyakinan dan keterampilan tilawah untuk peranan sosial seperti memimpin bacaan di surau/masjid. Pemerhatian turut menyokong bahawa pelajar yang aktif mengamalkan tarannum di luar PdP formal lebih bersedia menyumbang kepada komuniti, menandakan bahawa pembudayaan memerlukan pengukuhan terancang seperti kursus insentif, aktiviti luar bilik kuliah dan ruang latihan yang kondusif agar tarannum benar-benar menjadi kompetensi graduan yang berfungsi, bukan sekadar kemahiran yang berpusatkan kelas semata-mata.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini mengesahkan bahawa penguasaan tarannum dalam kalangan pelajar Diploma Tahfiz KIAS terbina secara paling berkesan melalui bimbingan pensyarah yang berorientasikan amali serta sokongan pembelajaran yang berterusan. Walau bagaimanapun, kesinambungan penguasaan tersebut hanya dapat dipastikan apabila wujud suasana pembelajaran dan ekosistem latihan luar bilik kuliah yang mendorong amalan konsisten.

Oleh hal yang demikian, ilmu tarannum berpotensi besar untuk menjadi satu nilai tambah kepada graduan tahfiz dan bukan sekadar prasyarat untuk lulus kursus, sekiranya ia dibudayakan melalui strategi pengukuhan yang terancang. Usaha ini merangkumi penyediaan fasiliti latihan, penganjuran aktiviti luar bilik kuliah, dan penawaran kursus insentif bagi memastikan kemahiran tilawah tersebut dapat diterjemahkan ke dalam bentuk peranan sosial dan khidmat kepada komuniti.

7.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan, sama ada kewangan, peribadi atau profesional yang boleh menjejaskan proses penyelidikan, analisis data atau penulisan artikel ini. Kajian ini dijalankan secara telus, objektif dan beretika bagi menyumbang kepada pembangunan ilmu tarannum dan pendidikan tahfiz dari segi akademik.

8.0 PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Majlis Agama Islam Kelantan atas sokongan akademik yang diberikan sepanjang kajian ini. Penghargaan khas juga ditujukan kepada pensyarah dan pelajar Diploma KIAS Tahfiz al-Quran yang telah memberikan kerjasama yang cemerlang sebagai pemberi maklumat kajian. Tidak lupa semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan artikel penyelidikan ini.

9.0 SUMBANGAN PENGARANG

Setiap penulis telah memberikan sumbangan besar kepada penghasilan artikel ini mengikut peranan masing-masing. Ahmad Junaidi Che Ariffin bertindak sebagai penyelidik utama yang bertanggungjawab merangka konsep kajian, mengumpul data temuduga serta menjalankan analisis data kualitatif. Saufi Abdullah menyumbang daripada aspek penyerlahan kesusasteraan, penyediaan metodologi, dan triangulasi data melalui analisis dokumen. Sementara itu, Ahmad Shafiq Mat Razali sebagai penulis koresponden, memainkan peranan penting dalam memperhalusi struktur penulisan artikel, mengkaji analisis tematik, serta menguruskan keseluruhan proses penyerahan dan penerbitan manuskrip.

10.0 RUJUKAN

- Abdullah, W. H. W., Ishak, H., & Mohamad, S. (2019). Karya-karya seni tarannum dalam bahasa Arab. *International Journal of Islamic Thought*. <https://doi.org/10.24035/ijit.16.2019.011>
- Agil Alaydrus, M. A., & Zahra, A. (2023). Analysis of variation of feature extraction methods in the classification of Al-Qur'an maqam using machine learning. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*. <http://www.jatit.org>
- Anuar Hasin, Norazman Alias, & Zainora Daud. (2020). Signifikan penganjuran majlis tilawah al-Quran di Malaysia terhadap perkembangan seni tarannum tanahair. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian* 24 & 25 November 2020.
- Azmil Hashim, Bahariah Ab Rahman, & Hamdi Ishak. (2017). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam bidang tilawah al-Quran program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 9(2). <http://jiae.pimm.my/2017/12/17/volume-9-issue-2-2017/>
- Hairul Azman Mohd Hata. (2021). Pengaruh kepimpinan distributif dan pengurusan bakat pengetua terhadap kompetensi guru. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.1706>
- Hasin, A. B., Alias, N. B., Daud, Z. B., & Ibrahim, M. L. B. (2025). Contribution of Wan Ainuddin Hilmi Abdullah in the field of Tarannum al-Quran in Malaysia. *Quranica*. <https://doi.org/10.22452/quranica.vol17no1.15>
- Lubis, M. A., Bila, Y., Din, R., & Sulaiman, S. (2011). Challenges faced by teachers in teaching Qur'anic tarannum. *World Applied Sciences Journal*. *World Appl. Sci. J.*, 14 (Special Issue of Innovation and Pedagogy for Diverse Learners): 40-43, 2011.
- Najmiah Omar, Nor Hafizi Yusof, Fatimah Zaharah Ismail, & Wan Fajrulhisyam Wan Abdullah. (2020). Kesalahan bacaan al-Quran dalam tilawah al-Quran dan kriteria evaluasi. *TAMADDUN*, 21(1), 115. <https://doi.org/10.30587/tamaddun.v21i1.1383>
- Norakyairee Mohd Raus. (2019). Amalan pengajaran al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan pendidikan khas (penglihatan) di Malaysia. UKM. Tesis PhD. UKM.
- Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman, & Fatin Ardani Zamri. (2019). Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran wa al-hifz kurikulum dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4, 273–283. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.4320025>

- Shaharom, M. S., Ilias, M. F., Izzuddin, M., Pisol, M., & Basir, H. (2024). Tahap kompetensi pengetahuan guru terhadap penggunaan bahan berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas KAFA menengah Negeri Selangor: Kajian rintis. 8(1), 125–134. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i1.210>
- Zakaria, M. Z., Awang, H., Faiz, M., Yaakob, M., Mansor, N. S., Mustapha, R., Izzah, N., Ghozali, M., & Zakaria, Z. (2023). The Qari icons and their influences in the evolution of Tarannum art in Kedah: A historical review. *Journal of Contemporary Social Science and Education Studies*, 3(1), 121–128. www.jocss.com. <https://doi.org/10.5281/zenodo.10185473>